

MAHA 2020 lebih besar

FOTO: ZAHID IZZANI

MOA janjikan pameran tahun depan lebih menarik dan berjaya

IZYAN LIYANA
MOHD DARIF

SERDANG

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjanjikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan 2020 (MAHA 2020) lebih baik dan besar berbanding tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pameran yang dianjurkan dua tahun sekali itu akan lebih mengagumkan bagi



Salahuddin (enam dari kiri) hadir pada Majlis Malam Apresiasi MAHA 2018 di MAEPS Serdang kelmarin.

menarik minat orang ramai berkunjung ke tapak MAHA 2020 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini.

"Justeru, dua tahun akan datang kita bakal menjayakan MAHA yang lebih baik, lebih besar dan mengagumkan.

"Saya yakin kita mampu bergerak ke hadapan bersama-sama dalam majukan MOA (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) dan memberi 'hadih' kepada rakyat serta negara," katanya pada Majlis Malam Apresiasi MAHA 2018 di MAEPS

Serdang kelmarin.

Turut hadir, Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan.

Pada majlis itu, Salahuddin turut melancarkan logo MAHA 2020 dan menyampaikan sijil penghargaan kepada agensi yang

terlibat dalam menjayakan MAHA 2018, antaranya Jabatan Pertanian (DOA), Perikanan Malaysia, Jabatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI),

“Saya yakin kita mampu bergerak bersama dalam majukan MOA.”

- Salahuddin Ayub

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

"Saya berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan MAHA 2018. Saya yakin kita akan lebih maju, sebaliknya gus membuktikan ke menterian ini adalah penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara," katanya.

Selain cabutan bertuah, tetamu turut dihiburkan dengan persembahan daripada penyanyi Datuk Ramli Sarip dan Datuk Khatijah Ibrahim.